

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIRIL
ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA
KANGSAR]

TARIKH : SELASA, 19 MEI 2015

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Profesor Gary Strobel dari Montana State University telah datang ke Malaysia pada tahun 2007 sebagai Profesor Pelawat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2010, dua permohonan paten ke atas kulat dari Malaysia yang amat berguna dalam merawat penyakit ganoderma yang menyerang pokok sawit telah diterbitkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di bawah *Nagoya Protocol* bagi membendung kes biopiracy yang sama daripada berulang lagi. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas individu, syarikat dan pertubuhan asing yang mencuri hasil biodiversiti Malaysia bagi tujuan mengaut keuntungan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Kementerian ini daripada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Gary Strobel iaitu seorang penyelidik dalam bidang mikrobiologi yang merupakan pensyarah di Montana State University, Amerika Syarikat pernah datang ke UKM pada 20 hingga 28 Januari 2008 sebagai *visiting professor* untuk menghadiri bengkel yang diadakan di UKM.

Sebanyak 2 paten yang difailkan beliau di Amerika Syarikat mengenai kulat yang dijumpai di Malaysia dengan nombor paten W02010115156 dan W02010115162. Kulat yang dipatenkan tersebut berpotensi digunakan untuk merawat penyakit ganoderma yang menyerang pokok kelapa sawit.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan perbincangan dengan pihak UKM pada awal tahun 2012. Pihak UKM telah berhubung dengan pejabat paten Amerika Syarikat (*US Patent Office-USPTO*) dan UKM dimaklumkan bahawa Malaysia boleh mencabar permohonan paten tersebut dalam tempoh dua bulan sejak tarikh pemfailan paten. Namun demikian, tempoh dua bulan tersebut telah

tamat apabila UKM menghubungi USPTO kerana perkara ini lambat diketahui oleh Malaysia.

Bagi mengelakkan kecurian sumber biologi (*biopiracy*) di masa akan datang, Kementerian ini sedang dalam proses akhir memuktamadkan draf Rang Undang-undang Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah (*Access to Biological Resources and Benefit Sharing - ABS*) yang telah melalui proses konsultasi dari tahun 2012 hingga 2015. RUU ABS ini bertujuan melaksanakan obligasi negara di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) iaitu memastikan perkongsian faedah yang adil dan saksama daripada penggunaan sumber biologi serta bagi melaksanakan *Nagoya Protocol* di masa hadapan. Untuk makluman, negara belum menandatangani *Nagoya Protocol* kerana perlu memastikan undang-undang domestik mengenai ABS diwujudkan terlebih dahulu agar dapat mematuhi keperluan yang digariskan di bawah *Protocol* tersebut.

Dengan adanya undang-undang ABS, negara akan dapat membendung isu *biopiracy* secara lebih berkesan bagi memastikan khazanah semulajadi negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.